



**DR. Nuradli Ridzwan Shah (dua dari kiri) menyerahkan wang kutipan derma yang dikumpul kepada wakil Aqsa Syarif di kampus USIM di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.**

## USIM anjur Bicara Simfoni

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Islamic Convention Entrepreneurs 10 (Iceps10) telah menganjurkan program Bicara Simfoni dengan kerjasama Aqsa Syarif bertempat di kampus USIM di Nilai baru-baru ini.

Ceramah yang bertemakan *Kerana Cinta Mu Aku Berkorban* telah dihadiri lebih 500 orang terdiri daripada pelajar dan masyarakat sekitar.

Ketua projek, Mohamad Izzat Mohamad Zafri berkata, program tersebut bertujuan mengutip derma untuk disumbangkan kepada penduduk Gaza di samping mengimarahkan bulan Zulhijah yang juga dikenali sebagai bulan haji dan korban.

"Melalui program ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada remaja masa kini yang sering kali tersilap dalam menterjemahkan isti-

lah cinta dan pengorbanan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Wang kutipan derma yang dikumpul diserahkan oleh Pengarah Iceps10, Dr. Nuradli Ridzwan Shah kepada wakil Aqsa Syarif, Afham Mohd. Safiuddin.

Bicara Simfoni merupakan antara program persediaan menghadapi Pesta Konvo Ke-12 USIM yang bakal berlangsung pada 13 hingga 16 November ini.